

24/11/1997

Pengguna disaran ubah tabiat berbelanja

KOTA KINABALU, Ahad - Pengguna di negeri ini disaran supaya memberi kerjasama sepenuhnya terhadap usaha menangani masalah kemerosotan nilai ringgit yang melanda negara ini akibat manipulasi peniaga mata wang.

Presiden Persatuan Pengguna Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan (Cash), Patrick Sindu, berkata pelbagai cara yang boleh digunakan pengguna dalam usaha membantu kerajaan mengatasi masalah berkenaan.

"Sebagai langkah awal, pengguna harus memahami perkembangan yang berlaku di rantau ini pada masa ini, di mana nilai ringgit Malaysia merosot sehingga 30 peratus berbanding dolar Amerika Syarikat sejak bulan lalu," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Menurutnya, pengguna seharusnya mengubah corak perbelanjaan yang diamalkan dengan cara mengurangkan pembelian barangan import selaras dengan saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dr Mahathir dalam ucapannya ketika merasmikan Hari Pengguna Sedunia '97 menyarankan supaya pengguna mengurangkan pembelian barangan dari negara yang mempunyai nilai mata wang yang tinggi bagi menyekat pengaliran keluar ringgit, selain mengelakkan berlakunya inflasi ke atas barangan dan perkhidmatan tempatan.

Katanya, peniaga pula tidak seharusnya mengambil peluang untuk menaikkan harga barangan kerana ia akan membebankan pengguna.

"Pengguna pula harus merebut peluang menjual lebih banyak barangan dan perkhidmatan ke negara luar manakala jabatan kerajaan negeri dan persekutuan perlu berjimat cermat," katanya.

Katanya, bagi pengguna yang gemar melancong pula mereka sepatutnya melancong di dalam negeri sahaja bagi membantu memulihkan ekonomi pusat pelancongan yang ada di negara ini.

Sindu berkata, amalan menabung juga wajar dilaksanakan ketika ini kerana wang yang disimpan itu boleh digunakan pada waktu terdesak di samping menjadi sumber pendapatan pada masa akan datang.

"Bagi peniaga pula, janganlah mengambil kesempatan menaikkan harga barangan dengan alasan penurunan nilai ringgit kerana mereka masih boleh mendapat keuntungan dengan mengekalkan harga berpatutan bagi mengekalkan langganan pengguna," katanya.

(END)